

05/08/2003

AMF: Jepun akui silap tidak jemput China

Norliza Abdullah; Zainab Mohd Yatim

CADANGAN penubuhan Tabung Mata Wang Asia (AMF), kurang mendapat sokongan China kerana negara itu tidak dimasukkan dalam rundingan awal ketika idea penubuhannya dicetuskan.

Bekas Naib Menteri Kewangan Jepun, Dr Eisuke Sakakibara, berkata, perkara itu adalah kesilapan terbesar negaranya ketika mengutarakan usul penubuhan AMF pada 1997.

Katanya, Jepun juga tidak bersungguh-sungguh meneruskan hasrat mewujudkan AMF selepas beberapa tahun kerana ia dibantah semua negara G-7 lain dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Bagaimanapun, katanya, sehingga ini negara yang paling kuat berusaha merealisasikan hasrat menubuhkan AMF itu ialah Malaysia dan Korea Selatan.

Beliau berkata, pihaknya kagum dan amat berbangga dengan dua negara itu terutama, semangat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang gigih berusaha menjayakannya.

"Walaupun cadangan itu mendapat sokongan kuat dari Malaysia dan Korea, pihak penganjur (Jepun) sehingga ini masih belum mendapatkan rundingan secukupnya daripada China.

"Walaupun mendapat sokongan kuat Malaysia, kami gagal meyakinkan dunia mengenai penubuhan AMF. Kami tidak mendapatkan rundingan penuh daripada negara utama iaitu China.

"Kami seharusnya berganding bahu dengan negara berkenaan (China) dan juga negara Asia yang lain," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja pada sesi pertama Kongres Asia Timur Pertama yang bermula semalam dan akan berakhir esok.

Sakakibara yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Global Universiti Keio adalah seorang daripada anggota jawatan kuasa pengelola penubuhan AMF.

Idea berkenaan ditimbulkan Jepun pada 1997 iaitu ketika kemuncak Krisis Kewangan Asia bagi membantu negara Asia yang terjejas, memulihkan semula ekonominya.

Sakakibara berkata, dari tempoh cadangan dikemukakan pada 1997 hingga kini, cadangan penubuhan tabung berkenaan sudah mencapai ke satu tahap yang kukuh.

Katanya, berdasarkan keadaan semasa, cadangan terhadap penubuhan AMF adalah sangat wajar dan rundingan mengenainya perlu diteruskan secara lebih meluas.

Sakakibara berkata, antara faktor mengapa AMF lebih relevan kini ialah globalisasi yang semakin berkembang pesat menyebabkan negara Asia perlu dibantu institusi kewangan serantau.

Beliau berpendapat, AMF tidak akan menjadi saingan IMF, sebaliknya melengkapkan proses memberi pinjaman yang sudah dimulakan agensi itu kepada negara yang memerlukan.

Selain itu, negara Asia juga harus mengukuhkan ekonomi dengan mewujudkan gabungan di kalangan mereka seperti yang dilakukan oleh anggota Kesatuan Eropah (EU).